

27/07/2005

Pemuda-AP

PEMUDA UMNO MINTA RAFIDAH PERJELAS ISU AP

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memberi penjelasan tentang kekeliruan yang menyelubungi isu permit import (AP) kereta, sekiranya ia benar-benar wujud.

"Saya harap kita dapat satu penjelasan yang terperinci dalam masa yang terdekat," kata Naib Ketuaanya Khairy Jamaluddin kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Pemuda Barisan Nasional (BN), di sini.

Ditanya mengenai kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Rafidah telah mengelirukan perwakilan Umno, katanya, pergerakan itu tidak dapat membuat sebarang pendirian mengenainya.

"Apakah sama ada Rafidah telah "misled" atau tidak bercakap yang benar kepada kita, kita tak tahu. Kalau betul dia tidak bercakap benar maka kita tengok apa penjelasan yang hendak diberi oleh Rafidah. Bukan untuk Pemuda Umno memberi komen tetapi untuk Rafidah (memberi komen)," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mendakwa Rafidah telah membuat kenyataan yang tidak benar berhubung isu AP semasa memberi penjelasan tentang perkara itu semasa Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lepas.

Penasihat Proton Holdings Bhd itu juga dilaporkan sebagai "tidak gembira dengan penjelasan berhubung kelulusan AP dan perangkaan yang diberikan menteri berkenaan".

Khairy hari ini turut meminta kerajaan mengkaji semula dasar automotif negara dalam menjaga kepentingan negara khususnya nasib Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) dan vendor Melayu.

"Kita nak lihat dasar automotif negara yang akan dikeluarkan tidak lama lagi akan betul-betul melihat semula sistem AP, samada ia benar-benar membantu usahawan Melayu atau sebaliknya atau telah mencetuskan kebocoran," katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno ingin melihat satu ketetapan dibuat tentang kesan dasar automotif kepada Agenda Melayu, masa depan Proton, vendor Melayu serta kemampuan Proton untuk bersaing dengan kereta lain.

Beliau berkata masih banyak persoalan yang belum terjawab dalam dasar automotif sedia ada termasuk keberkesanan sistem AP dalam meramaikan usahawan Melayu yang terlibat dalam bidang automotif.

"Soalan-soalan ini belum kita dapat jawapan yang memuaskan," tegasnya.

-- BERNAMA

MOT NM DC AZH